

PENANGGUNGAN KERJA [PP BIL. 17/2007]

Penanggungan bermaksud aturan di mana seseorang pegawai diberi kelulusan menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab suatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi, atau lebih rendah tarafnya di samping menjalankan tugas-tugas jawatannya sendiri.

Dilaksanakan jika terdapat kekosongan jawatan secara hakiki atau operasi dan tugas jawatan yang kosong itu mustahak dilaksanakan secara berterusan supaya fungsi organisasi tidak terjejas.

Arahan penanggungan mestilah secara bertulis oleh Ketua Jabatan dan tempoh penanggungan kerja hendaklah tidak melebihi enam (6) bulan. Sekiranya ada keperluan, Ketua Jabatan hendaklah membuat permohonan semula supaya pegawai diluluskan untuk terus menanggung kerja kepada Pihak Berkuasa Melulus.

Pegawai yang masih belum disahkan dalam jawatan tetapi telah berkhidmat lebih dari setahun, boleh dipertimbangkan untuk membuat penanggungan kerja sekiranya tiada calon lain yang lebih sesuai.

Pegawai boleh menanggung jawatan yang lebih tinggi grednya dengan syarat ianya tidak melangkau 2 gred. Manakala penanggungan gred yang lebih rendah dibolehkan sekiranya pegawai yang ditanggung itu bukan di bawah kawalan pegawai yang menanggung.

Elaun Penanggungungan Kerja [Perkara 13 PP 17/2007]

Pegawai yang telah diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk membuat penanggungungan kerja, layak menerima elaun tanggung kerja sekiranya telah melaksanakan tugas jawatan yang ditanggung kerja selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja (bagi penanggungungan kali pertama) manakala bagi tempoh penanggungungan kerja kali kedua dan seterusnya bagi jawatan yang sama, tidak kurang empat belas (14) hari berturut-turut termasuk cuti mingguan dan kelepasan am.

Pembayaran elaun tanggung kerja adalah berdasarkan formula berikut:

$$\frac{25}{100} \quad \times \quad \text{Gaji permulaan jawatan yang ditanggung kerja}$$